

Dr Mahathir akui terhutang budi kepada Mathew

BH 17 JUL 2000

KUCHING. Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengaku terhutang budi kepada mendiang Mathew anak Medan, 22, yang dibunuh secara kejam oleh penjenayah di Sauk, Perak, baru-baru ini, dalam pertemuan dengan ibu bapa mendiang, hari ini.

"Saya terhutang budi banyak kepada Mathew. Pertama kerana beliau masuk tentera dan kedua kerana beliau sanggup menggadai nyawa untuk negara," katanya sewaktu berjumpa Medan anak Munying, 61, dan Landun anak Ngumbang, 57, di bangunan Dewan Undangan Negeri (DUN), Petra Jaya, di sini hari ini.

Turut diterbangkan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dari kediaman Mathew di Rumah Panjang

Meruan, Nanga Tada, skim penempatan Iban di Kanowit, untuk perjumpaan itu ialah abang mendiang, Menis Medan, 25.

Dalam pertemuan itu juga, Perdana Menteri menjelaskan kepada Medan dan Landun mengenai kejadian itu dan memberi jaminan bahawa kerajaan akan memastikan mereka yang menyiksa dan membunuh anak mereka akan diadili di mahkamah.

"Kita tahu perasaan keluarga mangsa, tetapi kita kenal hormati sistem perundangan negara ini. Mereka tetap akan diadili dan dijatuhkan hukuman setimpal," katanya.

Beliau yang mengucapkan takziah kepada ibu bapa mendiang dan meminta mereka bersabar serta berjanji akan mem-

beri kenaikan pangkat kepada Mathew, walaupun dia sudah meninggal dunia.

Sementara itu, Medan pula menyuarakan perasaan kesalnya kerana anaknya dibunuh dengan cara yang terlalu kejam.

Ketika ditemui, beliau yang berterima kasih dan terharu dengan sumbangan semua pihak terutama ATM, berharap orang yang menyebabkan kematian anak ketujuhnya itu akan menerima hukuman setimpal.

"Anak saya bukan mati akibat kemalangan, mati mabuk atau mati ketika tidur. Dia mati ketika berjuang untuk kerajaan dan negara," katanya sambil menyifatkan anaknya itu memang seorang yang berani sejak kecil lagi.

Dalam perjumpaan itu juga, Perdana Menteri menyampaikan sumbangan peribadi kepada bapa mendiang. Isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pula menyampaikan sumbangan bagi pihak Bakti.

Turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada Medan ialah, Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud; isterinya, Puan Sri Laila yang menyampaikan sumbangan bagi pihak Badan Amal Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Menteri Muda Sarawak (Sabati) dan Yayasan Kebudayaan Dayak Sarawak.

Keseluruhan sumbangan yang diterima keluarga mendiang Mathew pada majlis itu berjumlah RM32,000.